

Panduan Pesakit

Valproate* <Epilim®> Pencegahan Hamil dan Kehamilan: perkara yang anda perlu tahu

Panduan Pesakit

Buku kecil ini adalah untuk anda jika anda seorang gadis atau seorang wanita yang mengambil ubat yang mengandungi valproate (atau penjaga/wakil sah anda).

Ia adalah sebahagian daripada langkah pengurangan risiko, Program Pencegahan Kehamilan valproate yang bertujuan untuk meminimumkan pendedahan kehamilan semasa rawatan dengan valproate.

Ia mengandungi maklumat penting tentang risiko penggunaan valproate semasa kehamilan.

*Valproate juga dikenali sebagai <Epilim®>

Buku kecil ini adalah untuk gadis dan wanita pada umur boleh mengandung yang mengambil sebarang ubat yang mengandungi valproate* (atau penjaga/wakil sah mereka).

- Ia mengandungi maklumat penting tentang risiko pengambilan valproate semasa kehamilan.
- Penting untuk membaca risalah ini jika doktor anda telah mencadangkan valproate sebagai rawatan terbaik untuk anda.
- Jenis risiko menggunakan valproate semasa kehamilan adalah sama untuk semua gadis dan wanita yang menggunakan valproate.

Baca buku kecil ini bersama risalah di dalam kotak ubat.

- Penting untuk anda membaca risalah tersebut walaupun anda telah mengambil valproate untuk seketika.
- Ini kerana ia mengandungi maklumat paling terkini tentang ubat anda.

Anda mungkin mendapati ia berguna untuk memberitahu pasangan anda, rakan-rakan dan keluarga tentang buku kecil ini.

- Tanya doktor, bidan atau ahli farmasi anda jika ada sebarang pertanyaan.

Simpan buku kecil ini. Anda mungkin perlu merujuk semula.

*Valproate juga dikenali sebagai <Epilim®>

KANDUNGAN

1. Maklumat penting untuk diingati
2. Kaedah kontraseptif untuk remaja wanita dan wanita yang boleh hamil
3. Apakah risiko mengambil valproate* semasa kehamilan?
4. Kecacatan kelahiran
5. Masalah perkembangan dan pembelajaran
6. Apakah maksud ianya bagi saya?
 - Saya baru memulakan rawatan valproate
 - Saya mengambil valproate dan tidak merancang keluarga
 - Saya mengambil valproate dan sedang merancang keluarga
 - Saya mengambil valproate dan saya telah hamil

*Valproate juga dikenali sebagai <Epilim®>

MAKLUMAT PENTING UNTUK DIINGATI

- Valproate* ialah ubat yang berkesan untuk epilepsi dan gangguan bipolar.
- Valproate boleh membahayakan bayi yang belum lahir apabila diambil semasa hamil – valproate hanya boleh diambil oleh wanita atau gadis jika ubat lain tidak berkesan. Walau apa pun penyakit anda, jangan berhenti mengambil valproate melainkan doktor anda meminta anda untuk berbuat demikian.
- Sentiasa menggunakan kaedah kontraseptif yang berkesan seperti disyorkan oleh doktor anda sepanjang masa anda mengambil valproate – untuk mengelakkan kehamilan yang tidak dirancang. Jangan berhenti menggunakan kaedah kontraseptif pada bila-bila masa.
- Jadualkan janji temu segera dengan doktor anda jika anda rasa anda hamil.
- Dapatkan nasihat doktor anda jika anda merancang untuk mempunyai anak dan jangan berhenti menggunakan kaedah kontraseptif sehingga anda telah berbuat demikian.
- Jangan berhenti mengambil valproate melainkan diarahkan oleh doktor anda kerana keadaan anda mungkin menjadi lebih teruk.
- Jangan lupa untuk kerap berjumpa dengan doktor pakar anda - sekurang-kurangnya setiap tahun.
- Semasa perjumpaan ini, anda dan doktor anda akan membincangkan Borang Pengakuan Risiko untuk memastikan anda mengetahui sepenuhnya dan memahami risiko penggunaan valproate semasa hamil.

*Valproate juga dikenali sebagai <Epilim®>

1. KAEDAH KONTRASEPTIF UNTUK REMAJA WANITA DAN WANITA YANG BOLEH HAMIL

Mengapa saya perlu menggunakan kaedah kontraseptif?

Sentiasa menggunakan kaedah kontraseptif yang berkesan seperti disyorkan oleh doktor anda sepanjang masa anda mengambil valproate – untuk mengelakkan kehamilan yang tidak dirancang. Jangan berhenti menggunakan kaedah kontraseptif pada bila-bila masa.

Ini adalah untuk menghalang anda daripada kehamilan yang tidak dirancang.

Apakah jenis kaedah kontraseptif yang perlu saya gunakan?

Sila berbincang dengan doktor anda tentang kaedah kontraseptif terbaik untuk anda.

Sila rujuk kepada doktor, pakar ginekologi/obstetrik atau bidan anda untuk mendapatkan kaunseling lengkap.

*Valproate juga dikenali sebagai <Epilim®>

2. APAKAH RISIKO MENGAMBIL VALPROATE* SEMASA KEHAMILAN?

Risiko kepada bayi anda yang belum lahir

Jika anda mengambil valproate semasa hamil, anda boleh membahayakan bayi anda yang belum lahir.

- Risiko adalah lebih tinggi menggunakan valproate berbanding dengan menggunakan ubat-ubatan lain untuk epilepsi atau gangguan bipolar.
- Risikonya tetap ada walaupun dengan dos valproate yang lebih rendah- semakin tinggi dos, semakin tinggi risiko.

Bagaimanakah ia boleh membahayakan anak saya?

Mengambil valproate semasa hamil boleh membahayakan anak anda dalam dua cara:

- Kecacatan kelahiran apabila anak dilahirkan
- Masalah perkembangan dan pembelajaran semasa anak itu membesar.

3. KECACATAN KELAHIRAN

Mengambil valproate semasa hamil boleh menyebabkan kecacatan kelahiran yang serius.

Bagi wanita secara umum:

- 2 hingga 3 bayi dalam setiap 100 bayi akan mengalami kecacatan kelahiran.

Bagi wanita yang mengambil valproate semasa hamil:

- Kira-kira 10 bayi dalam setiap 100 bayi akan mengalami kecacatan kelahiran.

Apakah jenis kecacatan kelahiran yang boleh berlaku?

- Spina bifida - di mana tulang bagi tulang belakang tidak berkembang dengan baik.
- Malformasi muka dan tengkorak - termasuk 'bibir rekah' dan 'lelangit rekah'. Ini adalah apabila bibir atas atau dan tulang di muka terbelah.
- Malformasi anggota badan, jantung, buah pinggang, saluran kencing dan organ seksual.
- Masalah pendengaran atau pekak

*Valproate juga dikenali sebagai <Epilim®>

4. MASALAH PERKEMBANGAN DAN PEMBELAJARAN

Mengambil valproate* semasa hamil boleh menjejaskan perkembangan anak anda semasa mereka membesar.

Bagi wanita yang mengambil valproate semasa hamil:

- Sehingga 30 hingga 40 kanak-kanak dalam setiap 100 kanak-kanak mungkin mengalami masalah perkembangan.

Kesan jangka panjang tidak diketahui.

Kesan-kesan berikut pada perkembangan dapat diperhatikan:

- Lambat belajar berjalan dan bercakap.
- Kecerdasan yang lebih rendah berbanding kanak-kanak lain yang sama usia.
- Kemahiran pertuturan dan bahasa yang lemah.
- Masalah ingatan.

Kanak-kanak yang ibunya mengambil valproate semasa hamil adalah lebih cenderung untuk mendapat masalah autisme atau spektrum autistik.

Kanak-kanak tersebut mungkin lebih cenderung untuk mendapat tanda-tanda Gangguan Kurang Tumpuan dan/atau Hiperaktif (ADHD).

*Valproate juga dikenali sebagai <Epilim®>

5. APAKAH MAKSUDIANYA BAGI SAYA?

Sila pilih dan baca situasi yang menepati situasi anda dari situasi yang diterangkan di bawah:

- Saya baru memulakan rawatan valproate*.
- Saya mengambil valproate* dan tidak merancang keluarga.
- Saya mengambil valproate* dan sedang merancang keluarga.
- Saya mengambil valproate* dan saya telah hamil.

*Valproate juga dikenali sebagai <Epilim[®]>

Saya baru memulakan rawatan valproate*

Doktor anda akan menjelaskan kepada anda sebab mereka merasa valproate adalah ubat yang sesuai untuk anda dan memberitahu anda tentang semua risiko yang diketahui:

- Jika anda seorang gadis remaja:
 - Doktor anda hanya merawat anda dengan valproate jika ubat lain tidak berkesan.
 - Ianya penting untuk anda dan ibu bapa/penjaga anda mengetahui tentang risiko valproate ini apabila digunakan semasa hamil. Ini adalah supaya anda tahu perkara yang perlu dilakukan apabila anda sudah cukup dewasa untuk mempunyai anak.
 - Anda atau ibu bapa/penjaga anda perlu menghubungi pakar sebaik sahaja anda mengalami haid pertama semasa penggunaan valproate.
- Jika anda seorang wanita yang berpotensi untuk mengandung:
 - Doktor anda hanya merawat anda dengan valproate jika anda tidak hamil dan anda menggunakan kaedah kontraseptif.
 - Doktor anda akan meminta anda melakukan ujian kehamilan sebelum memulakan valproate atau selepas itu, jika diperlukan. Ini adalah untuk memastikan anda tidak hamil.

Sentiasa menggunakan kaedah kontraseptif yang berkesan seperti disyorkan oleh doctor anda sepanjang masa anda mengambil valproate – supaya mengelakkan kehamilan yang tidak dirancang. Jangan berhenti menggunakan kaedah kontraseptif pada bila-bila masa. Ini adalah untuk memastikan anda tidak akan hamil.

- Anda perlu menyemak rawatan anda dengan doktor anda dengan kerap, (sekurang-kurangnya setiap tahun).
- Pada rawatan awal ini, doktor akan meminta anda membaca Borang Pengakuan Risiko Tahunan: ini adalah untuk memastikan anda mengetahui dan memahami semua risiko yang berkaitan dengan penggunaan valproate semasa kehamilan dan pengesyoran untuk mengelakkan anda daripada hamil semasa mengambil valproate.
- Jika anda membuat keputusan **anda mahu memulakan keluarga**, berbincang dengan doktor anda tentang perkara ini secepat mungkin
 - Jangan berhenti menggunakan valproate atau kaedah kontraseptif - sehingga anda dapat berbincang tentang perkara ini dengan doktor anda.

- Anda perlu berbincang dengan doktor anda tentang risiko kesihatan bayi anda sambil memastikan penyakit anda terkawal.
- Anda dan doktor anda perlu sependapat tentang perkara yang perlu dilakukan dengan rawatan anda sebelum anda mula mencuba untuk mendapatkan anak.

- *Valproate juga dikenali sebagai <Epilim[®]>

Saya mengambil valproate* dan tidak merancang keluarga

Jika anda mengambil valproate dan tidak merancang untuk mendapatkan anak, anda hendaklah menggunakan kaedah kontraseptif yang berkesan tanpa berhenti, sepanjang masa anda mengambil valproate

Berbincang dengan doktor atau pakar ginekologi/obstetrik atau bidan/profesional anda di klinik perancang keluarga jika anda memerlukan nasihat tentang kaedah pencegahan hamil.

Dapatkan nasihat doktor anda dengan segera jika anda rasa anda hamil.

Jangan berhenti mengambil valproate sehingga anda telah membincangkan perkara ini dengan doktor anda walaupun anda telah hamil kerana ia boleh membahayakan anda dan bayi anda.

Anda perlu menyemak rawatan anda dengan doktor anda dengan kerap, (sekurang-kurangnya setiap tahun).

Semasa rawatan susulan tahunan, doktor anda akan meminta anda membaca dan menandatangani Borang Pengakuan Risiko Tahunan: ini adalah untuk memastikan anda mengetahui dan memahami semua risiko yang berkaitan dengan penggunaan valproate semasa kehamilan dan pengesyoran untuk mengelakkan anda daripada hamil semasa mengambil valproate.

*Valproate juga dikenali sebagai <Epilim®>

Saya mengambil valproate* dan merancang keluarga

Jika anda merancang untuk mendapatkan anak, berbincang terlebih dahulu dengan doktor anda tetapi:

- **Teruskan mengambil valproate**
- **Terus menggunakan kaedah kontraseptif sehingga anda telah berbincang dengan doktor anda.**

Ianya penting supaya anda tidak hamil sehingga anda dan doktor anda telah berbincang.

- Doktor anda mungkin perlu menukar ubat anda untuk suatu jangka masa sebelum anda hamil - ini untuk memastikan penyakit anda stabil.
- Anda perlu berbincang tentang perkara yang boleh dilakukan untuk mengurangkan risiko kepada kesihatan bayi anda sambil memastikan penyakit anda terkawal.

Anda perlu menyemak rawatan anda dengan doktor anda dengan kerap (sekurang-kurangnya setiap tahun).

Dalam rawatan susulan ini, doktor anda akan meminta anda membaca and menandatangani Borang Pengakuan Risiko Tahunan: ini adalah untuk memastikan anda mengetahui dan memahami semua risiko yang berkaitan dengan penggunaan valproate semasa kehamilan.

*Valproate juga dikenali sebagai <Epilim®>

Saya mengambil valproate* dan saya telah hamil

Jangan berhenti mengambil valproate - ini kerana epilepsi atau gangguan bipolar anda boleh menjadi lebih teruk.

Berbincang segera dengan doktor anda. Ini adalah supaya anda boleh berbincang tentang pilihan anda. Doktor anda mungkin memberitahu yang anda mungkin perlu bertukar kepada rawatan lain dan akan menerangkan cara untuk membuat peralihan daripada valproate kepada rawatan baru ini.

Bayi yang ibunya mengambil valproate semasa hamil mempunyai risiko yang lebih tinggi bagi:

- kecacatan kelahiran dan
- masalah perkembangan dan pembelajaran.

Kedua-dua perkara ini boleh menjejaskan kehidupan anak anda.

Dalam sesetengah keadaan, tidak selalunya mungkin untuk beralih ke rawatan lain. Sila rujuk kepada doktor anda untuk mendapatkan maklumat tambahan.

Dalam rawatan susulan ini, doktor anda akan meminta anda membaca and menandatangani Borang Pengakuan Risiko Tahunan: ini adalah untuk memastikan anda mengetahui dan memahami semua risiko yang berkaitan dengan penggunaan valproate semasa kehamilan. Anda akan dipantau dengan teliti:

- Ini adalah untuk memastikan penyakit anda terkawal.
- Ia juga untuk memeriksa perkembangan bayi anda.

*Valproate juga dikenali sebagai <Epilim®>

Pelaporan Kesan Advers Ubat (ADR):

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman sesawang npra.moh.gov.my

<https://www.npra.gov.my/index.php/my/consumers-2/pelaporan/reporting-side-effects-to-medicines-conserf-or-vaccines-aefi.html>